



KERAJAAN MALAYSIA

Peraturan Mengenai Keraian Rasmi

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

MAJLIS RASMI KERAJAAN	2
WP 5.1 Peraturan Mengenai Keraian Rasmi	2
1. Tujuan	2
2. Tafsiran	2
3. Keraian Rasmi Kerajaan	2
4. Kadar Keraian Rasmi	3
5. Perkara-perkara Am.....	4

**MAJLIS RASMI KERAJAAN
WP5.1 – PERATURAN MENGENAI KERAJIAN RASMI**

1. Tujuan

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menetapkan peraturan-peraturan dan kadar bagi Keraian Rasmi yang boleh dibelanjakan daripada peruntukan Kerajaan oleh Kementerian/ Jabatan Persekutuan.

2. Tafsiran

Melainkan sesuatu itu jelas maksudnya di dalam pekeling ini tafsiran di bawah ini hendaklah diikuti:

- 2.1. “Keraian Rasmi” bermakna jamuan yang diadakan semasa penganjuran aktiviti/ program rasmi Kementerian/ Jabatan yang menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan;
- 2.2 “Jemputan luar” bermakna wakil Kementerian/ Jabatan serta wakil agensi luar yang dijemput untuk menghadiri sesuatu mesyuarat berkaitan tugas rasmi Kerajaan;
- 2.3 “Jamuan ringan” bermakna minum pagi atau minum petang;
- 2.4 “Mesyuarat” bermakna sesuatu perbincangan atau seumpamanya yang diadakan berkaitan urusan rasmi Kerajaan; dan
- 2.5 “Mesyuarat Pengurusan Tertinggi” bermakna mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha/ Ketua Pengarah dan dianggotai oleh Timbalan Ketua Setiausaha serta Ketua-ketua Agensi/ Timbalan serta Setiausaha/ Pengarah Bahagian.

3. Keraian Rasmi Kerajaan

- 3.1 Keraian Rasmi boleh diadakan hanya bagi penganjuran aktiviti/ program berikut:
 - (a) persidangan di peringkat Antarabangsa, Kebangsaan, Kementerian dan Jabatan;
 - (b) Majlis Penuh Istiadat/ sambutan keraian yang wajib diraikan di peringkat Kebangsaan, Kementerian dan Jabatan seperti majlis penganugerahan/ pengiktirafan yang termaktub di dalam pekeling-pekeling Kerajaan dan sambutan program rasmi peringkat kebangsaan dan antarabangsa berkaitan fungsi Kementerian/ Jabatan;

- (c) lawatan rasmi orang kenamaan atau rombongan dari luar atau dalam negara yang wajib diraikan berkaitan urusan rasmi Kerajaan; atau
 - (d) majlis perasmian/ penutupan sesuatu program rasmi Kementerian/ Jabatan.
- 3.2 Selain itu, Keraian Rasmi juga boleh diadakan semasa mesyuarat-mesyuarat berikut:
- (a) mesyuarat yang dipengerusikan oleh YB Menteri dan YB Timbalan Menteri yang berkaitan dengan urusan rasmi Kerajaan;
 - (b) mesyuarat pengurusan tertinggi yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Pengarah;
 - (c) mesyuarat yang melibatkan wakil negara asing; atau
 - (d) mesyuarat yang melibatkan jemputan luar. Walau bagaimanapun mesyuarat yang kurang daripada 6 jam hanya boleh disediakan jamuan ringan.

4. Kadar Keraian Rasmi

- 4.1 Perbelanjaan maksimum bagi aktiviti/ program seperti di para 3 adalah ditetapkan pada kadar RM123 seorang untuk sehari. Bayaran perkhidmatan, cukai Kerajaan dan bayaran-bayaran lain yang diwajibkan kerana mengadakan jamuan berkenaan adalah layak dituntut sebagai bayaran tambahan.
- 4.2 Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan garis panduan dalaman sendiri bagi pembahagian kadar tersebut yang munasabah untuk jamuan ringan, makan tengah hari dan makan malam. Garis panduan dalaman ini hendaklah dipatuhi dan Unit Audit Dalam Kementerian/ Jabatan masing-masing adalah bertanggungjawab untuk memantau pematuhan garis panduan tersebut. Sesalinan garis panduan hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan untuk tujuan rekod.
- 4.3 Walau bagaimanapun, kadar jamuan bagi majlis rasmi yang telah ditetapkan kadarnya seperti sambutan Hari Inovasi tidak tertakluk kepada kadar Keraian Rasmi seperti di para 4.1.

5. Perkara-perkara Am

- 5.1 Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk membuat perancangan yang rapi bagi mengadakan Keraian Rasmi seperti berikut:
- 5.1.1 kekerapan mengadakan Keraian Rasmi hendaklah dihadkan kepada aktiviti/ program/ mesyuarat rasmi yang penting dan perlu berpandukan kepada syarat-syarat di para 3 di atas;
 - 5.1.2 penganjuran majlis Keraian Rasmi digalakkan diadakan di premis atau kemudahan sedia ada Kerajaan yang bersesuaian dan dibuat secara sederhana;
 - 5.1.3 bilangan jemputan hendaklah dihadkan kepada individu/ organisasi yang berkaitan secara langsung dengan urusan rasmi Kerajaan sahaja;
 - 5.1.4 hidangan minuman keras adalah tidak dibenarkan;
 - 5.1.5 membuat perancangan yang lebih awal untuk mengelakkan kos yang lebih tinggi; dan
 - 5.1.6 Kementerian/ Jabatan hendaklah mempunyai peruntukan yang mencukupi dan diluluskan, sentiasa mengamalkan prinsip perbelanjaan berhemat serta mematuhi peraturan kewangan semasa yang berkuat kuasa.



KERAJAAN MALAYSIA

Peraturan Mengenai Perbelanjaan Untuk Meraikan Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Bersara

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

MAJLIS RASMI KERAJAAN	2
WP 5.2 Peraturan Mengenai Perbelanjaan Untuk Meraikan Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Bersara	2
1. Tujuan	2
2. Peraturan	2
3. Hal-Hal Lain	3

MAJLIS RASMI KERAJAAN**WP 5.2 Peraturan Mengenai Perbelanjaan Untuk Meraikan Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Bersara****1. Tujuan**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan peraturan untuk meraikan pegawai Perkhidmatan Awam yang bersara.

2. Peraturan**2.1 Jamuan**

- 2.1.1 Kadar penyediaan jamuan untuk pegawai bersara dan jemputan adalah tidak melebihi RM30 seorang. Bilangan jemputan hendaklah dihadkan kepada mereka yang benar-benar perlu sahaja.

2.2 Cenderamata

- 2.2.1 Pegawai yang bersara boleh diberikan hadiah penghargaan dalam apa-apa bentuk yang difikirkan sesuai atas kadar keseluruhannya tidak melebihi RM400 seorang.

2.3 Sijil Penghargaan

- 2.3.1 Pegawai yang bersara boleh diberikan sijil penghargaan.

2.4 Syarat-Syarat

- 2.4.1 pegawai Perkhidmatan Awam yang layak diraikan terdiri daripada pegawai yang bersara wajib, bersara atas sebab kesihatan dan bersara pilihan;
- 2.4.2 bagi pesara pilihan, pegawai hendaklah telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang daripada 15 tahun;
- 2.4.3 bagi pesara yang bersara atas sebab kesihatan, pegawai boleh diraikan tanpa mengambilkira tahun perkhidmatan pegawai dengan Kerajaan;
- 2.4.4 majlis hendaklah dirancang dan diadakan sekali

setahun sahaja. Setakat mana yang boleh, majlis hendaklah diadakan di peringkat Kementerian yang meliputi semua Jabatan dan agensi di bawahnya;

2.4.5 pegawai layak diraikan sekali sahaja sama ada dianjurkan oleh Kementerian atau Jabatan;

2.4.6 majlis hendaklah seboleh-bolehnya diadakan di perkarangan atau dalam kawasan Kementerian/Jabatan masing-masing; dan

2.4.7 majlis seboleh-bolehnya hendaklah diadakan semasa pegawai masih dalam perkhidmatan untuk mengelakkan perbelanjaan kepada pegawai seperti perbelanjaan perjalanan dan penginapan sekiranya pegawai berpindah ke tempat lain selepas bersara.

3. Hal-Hal Lain

3.1 Kementerian/Jabatan yang berhasrat untuk mengadakan majlis melebihi kadar yang dinyatakan di atas, boleh menampungnya melalui sumber lain seperti Kelab Kebajikan dan Sukan atau sumbangan daripada pegawai lain.

3.2 Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan hendaklah memastikan pelaksanaan peraturan ini dipatuhi sepenuhnya oleh Kementerian/Jabatan masing-masing.

3.3 Pesara yang dijemput untuk menghadiri majlis ini dan hadir ke majlis tersebut adalah layak membuat tuntutan perjalanan yang munasabah berdasarkan kadar kelayakan sebelum bersara. Pembayaran bagi tuntutan ini adalah dibayar oleh Jabatan asal sebelum bersara.



KERAJAAN MALAYSIA

**Peraturan Mengenai Perbelanjaan
Sambutan Hari Inovasi**

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

MAJLIS RASMI KERAJAAN	2
WP 5.3 Peraturan Mengenai Perbelanjaan Sambutan Hari Inovasi	2
1. Tujuan	2
2. Peraturan	2

MAJLIS RASMI KERAJAAN

WP 5.3 Peraturan Mengenai Perbelanjaan Sambutan Hari Inovasi

1. Tujuan

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan kadar dan peraturan berhubung perbelanjaan sempena sambutan Hari Inovasi peringkat Kementerian/Jabatan.

2. Peraturan

2.1 Pertandingan

- 2.1.1 Bilangan acara pertandingan yang boleh diadakan sempena sambutan Hari Inovasi adalah terhad kepada tujuh (7) acara sahaja. Pertandingan boleh diadakan sama ada secara berkumpulan atau individu.

2.2 Jamuan

- 2.2.1 Kadar bagi mengadakan jamuan adalah tidak melebihi RM30 seorang sehari mengikut kadar seperti berikut:

Jamuan Pagi	RM8
Makan Tengah Hari	RM17
Minum Petang	RM5

2.3 Hadiah Pertandingan

- 2.3.1 Hadiah kepada pemenang setiap acara pertandingan adalah terhad kepada kadar maksimum seperti berikut:

Pemenang	Pertandingan Peringkat			
	Kementerian/Jabatan Persekutuan		Jabatan Persekutuan di Negeri	
	Kumpulan	Individu	Kumpulan	Individu
Pertama Hadiah/Tunai	RM5,000	RM1,000	RM2,000	RM750
Piala	RM300 Sijil	RM250 Sijil	RM250 Sijil	RM200 Sijil
Kedua Hadiah/Tunai	RM3,000 Sijil	RM750 Sijil	RM1,000 Sijil	RM500 Sijil
Ketiga Hadiah/Tunai	RM2,000 Sijil	RM500 Sijil	RM750 Sijil	RM250 Sijil

- 2.3.2 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk menentukan kesesuaian kadar hadiah bagi setiap kategori

pertandingan.

2.4 Panel Hakim

2.4.1 Kementerian/Jabatan boleh melantik panel hakim dari luar agensi tidak melebihi tiga (3) orang bagi menilai peserta pertandingan yang diadakan. Panel hakim boleh diberi saguhati/hadiah tertakluk kepada had maksimum seperti berikut:

Peringkat Pertandingan	Ketua Hakim		Hakim	
	KIK	Acara Lain	KIK	Acara Lain
Kementerian/ Jabatan Persekutuan	RM200 sehari	RM200 satu program	RM150 sehari	RM150 satu program
Jabatan Persekutuan di Negeri	RM100 sehari	RM100 satu program	RM80 sehari	RM80 satu program

2.4.2 Hadiah bagi pemenang dan panel hakim di atas boleh diberi dalam bentuk tunai dan/atau hadiah dalam bentuk **plaque, buku atau kraftangan tempatan sahaja** terhad kepada kadar maksimum di atas.

2.5 Bayaran Penceramah

2.5.1 Bayaran penceramah jemputan yang terdiri daripada pegawai Perkhidmatan Awam adalah mengikut kadar dan syarat yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perbendaharaan WP 1.8 atau pindaan. Bagi penceramah daripada pihak swasta adalah berdasarkan kadar dan syarat yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perbendaharaan PK 2 atau pindaan.

2.6 Hiasan dan Pameran

2.6.1 Perbelanjaan hiasan dewan dan pameran hendaklah di peringkat minimum dan mematuhi tatacara perolehan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

2.7 Tempat Mengadakan Hari Inovasi

2.7.1 Sambutan Hari Inovasi Kementerian/Jabatan seboleh-bolehnya hendaklah diadakan di kawasan Kementerian/Jabatan masing-masing bagi memudahkan dan membolehkan semua pegawai Kementerian/Jabatan menyertai program yang diadakan serta menjimatkan perbelanjaan.